

Golongan penjaja terima kit makanan dari Perbadanan Labuan

LABUAN: Perbadanan Labuan mengambil maklum tentang rintihan kalangan penjaja di sini yang terjejas tidak dapat beroperasi ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman berkata, pihaknya akan menghulur bantuan kit makanan kepada kira-kira 40 penjaja di dua tamu yang dikendalikan di bawah Labuan Development Authority (LDA).

“Semoga bantuan ini dapat meringankan beban peniaga kecil yang terjejas pendapatan,” katanya.

Kita makanan itu diagih-agihkan kepada penjaja di Tamu Bukit Kuda dan Pasar Lama yang meliputi barangan keperluan harian seperti be-

ras, tepung, gula, minyak dan bahan hidangan lain.

Pada waktu yang sama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menyelaras pengagihan secara pandu lalu 128 kit makanan kepada penjaja pasar malam, tamu Labuan dan pasar tani di pekarangan pejabat jabatan itu.

Bantuan itu merupakan satu kepedulian terhadap kesejahteraan hidup golongan terjejas di sini sepanjang pelaksanaan PKP 2.0 bagi meringankan beban.

Jelasnya, pengagihan bantuan itu diharap dapat mengurangkan beban yang dihadapi golongan penjaja disebabkan mereka tidak dibenarkan berniaga sejak 13 Januari dan dijadual sehingga 26 Januari ini.



PANDU LALU: Antara penjaja menerima kit makanan di pekarangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Labuan.